

03/02/2003

(Bot yang diperbuat daripada ... )

BOT yang diperbuat daripada kayu jati dan mengkabang ini bakal dinaiki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri esok selepas beliau dijangka melancarkan sambutan Ulang Tahun Ke-2 Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bot yang diberi nama Gendola ini boleh dinaiki empat penumpang dan seorang jurumudi dikhaskan untuk membawa tetamu kenamaan bersiar-siar di sekitar Tasik Putrajaya. Kelihatan kakitangan Perbadanan Putrajaya menguji Gendola yang akan dinaiki Dr Mahathir, esok.